

28 APR 2002

Sukan-Basikal

BASIKAL ASIA: MALAYSIA SANDARKAN HARAPAN KEPADA ENAM PELUMBA ELIT

KANGAR, 28 April (Bernama) -- Kejohanan lumba basikal Asia yang bakal berlangsung selama sembilan hari di Bangkok, Thailand mulai 2 Mei ini adalah cabaran besar bagi pelumba-pelumba Malaysia.

Pengurus pasukan Malaysia Daud Ibrahim berkata walaupun cabaran itu sengit, enam pelumba elit negara tidak akan memberi laluan mudah kepada pelumba dari lebih 30 negara pada kejohanan itu,

Bercakap kepada Bernama di sini hari ini, Daud berkata Malaysia meletakkan harapan kepada Musairi Musa, Suhardi Hassan, Tsen Seong Hong, Nor Effandi Rosli, Amran Ahmad dan Mahathir Hamad bagi acara lebuh raya kejohanan itu.

Daud, yang juga jurulatih lumba basikal kebangsaan, berkata pelumba negara bukan sekadar memerlukan kekuatan stamina malah kekuatan mental.

Katanya Malaysia menghantar 36 pelumba termasuk enam pelumba elit pada kejohanan itu.

Sementara itu, para pelumba elit itu berlepas ke Bangkok hari ini selepas majlis pelepasan dilakukan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, di sini.

Shahidan menyerahkan bendera Malaysia kepada Daud dan berharap para pelumba itu tidak akan mengecewakan negara.

Para pelumba itu, yang akan menggunakan basikal lumba keluaran Proton, berlepas menggunakan empat kereta nasional Proton Waja.

Pelumba lain berlepas ke negara gajah putih itu esok menaiki kereta api dari Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AD NAK